



## Maklumat Asas bagi Pelarian di Malaysia

### Peranan UNHCR

Pejabat United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR) merupakan agensi pelarian United Nations yang telah ditubuhkan pada tahun 1951 untuk perlindungan antarabangsa dan penyelesaian kepada pelarian. UNHCR beroperasi untuk melindungi hak pelarian, menggalakkan kesejahteraan mereka dan membantu dalam penyelesaian jangka lama.

### Siapakah yang merupakan pelarian?

Merujuk kepada Konvensyen Geneva 1951 berkaitan dengan Status Pelarian, seseorang pelarian merupakan seorang yang berada di luar negara asalnya, mempunyai perasaan takut yang berasas atasi sebab-sebab bangsa, agama, kewarganegaraan, pandangan politik atau keahlian dalam sesuatu kumpulan social, dan disebabkan perasaan takut tersebut, mereka tidak dapat atau tidak sanggup mendapatkan perlindungan negara itu.

Sila ambil perhatian jikalau terdapat sebab untuk mempertimbangkan bahawa pemohon bertanggungjawab untuk sebarang jenayah serius pelarian tersebut boleh dikecualikan daripada status pelarian

### Bagaimana saya boleh berdaftar dengan UNHCR?

Pendaftaran merupakan langkah pertama yang anda perlu menjalani untuk mendapatkan perlindungan antarabangsa dengan UNHCR. Pendaftaran melibatkan merekod biodata diri anda, laluan perjalanan, sebab untuk mencari perlindungan serta gambar dan cap jari anda akan diambil untuk pengenalpastian. Terdapat dua prosedur pendaftaran yang berbeza untuk pemohon bukan Myanmar dan pemohon Myanmar.

#### Pemohon bukan Myanmar:

Untuk mendapatkan temujanji pendaftaran dengan UNHCR, anda diminta hadir ke pejabat pada hari **Rabu pukul 12 tengah hari** (kecuali pada Cuti Am). Sila ambil perhatian bahawa keutamaan tidak akan diberikan kepada pemohon yang datang awal daripada waktu yang telah dinyatakan. Sebarang pertukaran dalam polisi akan dimaklumkan di papan notis di luar pejabat.

#### Pemohon Myanmar:

Memandangkan bilangan tinggi pemohon yang menunggu yang telah dijadualkan sebelum ini untuk Pendaftaran di pejabat, sebarang aktiviti pendaftaran baru yang bakal dijalankan pada masa hadapan akan dikomunikasi dan diselaraskan dengan teliti dengan komuniti pelarian.

#### Apakah yang perlu saya bawa pada hari pendaftaran?

- Sila bawa segala dokumen yang berkaitan dengan kes seperti passport, dokumen pengenalan, sijil perkahwinan, sijil lahir, banci

keluarga atau kad pengenalan Negara dan lain-lain pada hari temujanji anda.

- Sila bawa sebarang dokumen yang telah dikeluarkan oleh UNHCR seperti kad temujanji, surat rujukan pada hari temujanji anda.
- Sila bawa kenyataan bertulis terperinci dalam apa jua bahasa pilihan anda yang menyatakan bagaimana dan mengapa anda meninggalkan negara asal. .

#### Perhatian bahawa:

- Semua pemohon suaka (berserta ahli keluarga dan/atau seseorang dibawah tanggungan pemohon suaka) perlu hadir ke pejabat untuk pendaftaran.
- Ia adalah amat penting untuk anda memberikan maklumat betul dan lengkap semasa pendaftaran. Maklumat yang tidak betul atau tidak lengkap mungkin akan memudaratkan kes anda.
- Seseorang yang berdaftar akan memperolehi nombor fail dan segala komunikasi selanjutnya dengan pejabat perlu merujuk kepada nombor fail tersebut.
- Anda mungkin perlu meluangkan sehari di pejabat. Sila bersabar.
- Setelah berdaftar dengan UNHCR anda akan dikemukakan dengan sijil pemohon suaka yang tempohnya akan tamat pada hari temuduga anda yang seterusnya. Anda akan juga diberikan satu slip temujanji untuk temuduga.

#### Rangkuman Keluarga

- Anda boleh memasukkan ahli keluarga dalam kes anda;
- Sekiranya anda telahpun berdaftar dengan pejabat dan sedang menunggu untuk temujanji RSD, anda boleh membawa ahli keluarga yang belum berdaftar semasa temuduga RSD.
- Sekiranya anda merupakan pelarian yang diiktiraf, anda boleh menulis surat kepada pejabat meminta rangkuman keluarga sama ada mel kepada kami, faks 603 2141 1780 atau e-mel kepada [mlsureg@unhcr.org](mailto:mlsruheg@unhcr.org)

*Untuk pertanyaan yang selanjutnya berkenaan prosedur pendaftaran, sila menghubungi kami pada alamat yang dinyatakan diatas.*

### Penentuan Status Pelarian (RSD) oleh UNHCR

Setelah berdaftar anda akan memasuki proses Penentuan Status Pelarian (RSD) dan anda akan dijadualkan untuk temuduga RSD –sila ambil perhatian bahawa ini mungkin mengambil masa selama setahun. Temuduga RSD akan menilai kelayakan anda sebagai seorang pelarian.

#### Semasa prosedur penentuan status pelarian, anda diperlukan untuk:

- Memberikan segala dokumen dan bukti yang ada berkaitan dengan permohonan anda;
- Bercakap benar dan berkoperasi;

- Beritahu kami tentang ahli keluarga yang mengikuti anda. Ahli keluarga yang dewasa akan ditemuduga secara individu;

#### Semasa prosedur penentuan status pelarian anda mempunyai hak untuk:

- Ditemuduga dalam bahasa yang anda bertutur;
- Diwakili oleh seorang peguam atau wakil di sisi undang-undang, yang layak sebagai sedemikian di bawah prosedur yang ditubuhkan oleh UNHCR, semasa prosedur penentuan status pelarian anda.

#### Berapa lama akan diambil untuk saya menerima keputusan?

- Ini bergantung atas fakta fakta kes anda, kerana setiap kes akan dipertimbangkan secara individu. Sekira-kiranya ia akan mengambil masa dari 1 hingga 6 bulan.

#### Apakah yang akan berlaku sekiranya saya tidak diiktiraf buat kali pertama?

- Sekiranya anda telah diberikan keputusan yang negatif anda mempunyai hak untuk membuat rayuan dalam 30 hari. Selepas anda menghantar rayuan, fail anda akan dikaji semula oleh pegawai yang berbeza daripada pegawai yang membuat keputusan buat kali pertama.
- Pegawai tersebut boleh menukarkan keputusan kali pertama anda dan memberikan status pelarian. Jika keputusan kali pertama adalah muktamad, fail anda akan ditutup.
- Perhatian bahawa ia mungkin boleh mengambil masa selama setahun untuk anda menerima Keputusan Rayuan.

### Sila ambil perhatian bahawa:

- **Setiap pemohon mempunyai profil, latar belakang dan sebab meninggalkan negaranya yang berbeza; oleh kerana itu setiap kes akan dinilai secara individu mengikut prosedur dan peraturan UNHCR.** Jangan memberikan tumpuan kepada khabar angin yang merebak dikalangan komuniti pelarian tentang cerita yang tertentu untuk disampaikan bagi kelayakan status pelarian;
- **Sengaja mengelirukan UNHCR mengenai fakta-fakta kes anda atau identiti anda adalah penipuan.** Sila ambil perhatian bahawa ini akan menjejaskan kes anda serta membawa kepada keputusan yang negatif. UNHCR berhak untuk mengambil tindakan dalam kes sebegini;
- Penyata dan dokumen anda akan disimpan secara sulit dan tidak akan dikongsi oleh UNHCR dengan pihak ketiga tanpa persetujuan anda; **Sila ambil perhatian bahawa UNHCR tidak sama sekali akan berkongsi maklumat anda bersama Kerajaan negara asal anda .;**
- Jangan menandatangani sebarang dokumen melainkan jika ia telah dibaca, difahami dan diluluskan oleh anda;
- Sementara di Malaysia anda, seperti orang asing yang lain, diwajibkan menghormati undang-undang, adat resam dan tradisi masyarakat tuan rumah anda;
- **Ancaman lisan dan fizikal yang dibuat kepada kakitangan UNHCR adalah salah di sisi undang-undang negara. UNHCR akan melaporkannya kepada Polis dan seseorang itu boleh didakwa;**

- Jika anda telah terputus hubungan dengan ahli keluarga kerana konflik bersenjata atau situasi keganasan lain, anda boleh layari laman web keluarga ICRC di <http://www.icrc.org/FAMILYLINKS>

#### Bagaimana saya boleh berhubung dengan unit RSD?

Jika anda ada sebarang pertanyaan berkaitan dengan RSD anda boleh menghantar e-mel kepada: [mislursd@unhcr.org](mailto:mislursd@unhcr.org)

Sila menggunakan e-mel ini untuk soalan tertentu yang berkaitan dengan proses RSD, penghantaran dokumen atau bukti yang lain dan untuk memberitahu tentang penukaran nombor telefon. Memandangkan nombor pertanyaan Nombor pertanyaan yang dinyatakan diterima oleh pejabat setiap hari, harap bersabar, kami akan bertindak balas secepat mungkin.

Anda boleh juga menulis surat kepada UNHCR pada alamat yang ternyata dibawah

#### Penahanan

Kerajaan Malaysia bukan pihak kepada konvensyen antarabangsa yang mengiktiraf dan melindungi pelarian (1951 Konvensyen Geneva Berkaitan dengan Status Pelarian). Ini bermakna bahawa semasa anda berada di Malaysia anda tidak akan diiktiraf sebagai seorang pemastautin yang sah di sisi undang-undang.

*Jika anda ditahan/ditangkap oleh Polis.*

- Anda perlu bekerjasama dengan pihak polis dengan tenang dan mengetahui sebab anda ditangkap;
- Menunjukkan pihak polis dokumen UNHCR/nombor rujukan UNHCR dan suruh pihak polis untuk menelefon **nombor hotline UNHCR 012-6305060** untuk pengesahan;
- Hafal nombor hotline UNHCR dan jika boleh, nombor individu anda;
- Sila beritahu UNHCR, kawan-kawan atau ahli keluarga secepat mungkin dan beri nombor rujukan UNHCR, tempat ditangkap, balai polis dan nombor pegawai penyiasat (jika boleh)

*Apabila anda dibawa ke Mahkamah:*

- Sila maklumkan kepada UNHCR bahawa anda telah didakwa di mahkamah. Minta kebenaran majistret untuk menghubungi UNHCR, ahli keluarga/kawan-kawan.
- Minta jurubahasa sekiranya anda tidak faham Bahasa Malaysia.
- Maklumkan kepada Majistret bahawa anda adalah orang berkenaan dan berdaftar dengan UNHCR.
- Jangan mengaku bersalah jika didakwa di bawah s.6 (1) (c) Akta Imigresen ("Kes Kosong").
- Jangan mengganggu atau menggelengkan kepala anda di bawah sebarang keadaan jikalau anda tidak memahami apa yang sedang dikatakan, minta jurubahasa dengan berkata "UNHCR". Ulangi jika perlu.

**SILA HUBUNGI [mislupi@unhcr.org](mailto:mislupi@unhcr.org) untuk bantuan segera**

\* Sila rujuk kepada Buku Tahanan UNHCR untuk maklumat selanjutnya.

#### Perkhidmatan untuk pemohon suaka dan pelarian

**Sebagai seorang pemohon suaka, anda boleh mendapatkan rawatan di semua kemudahan kesihatan awam dan anda akan dikenakan bayaran mengikut kadar orang asing.** Pelarian berhak mendapatkan 50% diskaun pada bil perubatan di kemudahan kesihatan kerajaan. Ini tidak boleh digunapakai oleh pemohon suaka. Kos rawatan bagi penyakit beerjangkit adalah percuma di kemudahan kesihatan kerajaan.

Perkhidmatan kesihatan utama juga boleh diperolehi di Klinik ACTS (Brickfields) dan Klinik Percuma Buddhist Tzu-Chi (Jalan Pudu). Sila rujuk kepada panduan kesihatan UNHCR untuk maklumat dan perkhidmatan yang selanjutnya.

**Bantuan kewangan dan perubatan layak diterima oleh pelarian yang diiktiraf sahaja.** Jika anda dalam keadaan kesihatan yang serius yang memerlukan rawatan segera, sila hantar nota kesihatan dari kemudahan kesihatan kerajaan menerangkan keadaan perubatan/kesihatan anda dan rawatan yang diperlukan kepada Unit Bantuan Individu (IAD). Anda boleh menghantar nota kesihatan kepada IAD melalui pos, faks (03-21171493) atau hantar sendiri pada hari Isnin, Selasa dan Jumaat dari jam 9 hingga 11 pagi. Untuk pertanyaan selanjutnya berkenaan dengan kesihatan dan bantuan, anda boleh menghantar e-mel kepada [misluiad@unhcr.org](mailto:misluiad@unhcr.org)

#### Penyelesaian Jangka Lama

Setelah anda diiktiraf sebagai pelarian, anda akan menerima kad pelarian menggantikan sijil pemohon suaka dan UNHCR akan cuba untuk mengenalpasti penyelesaian jangka lama. UNHCR mengiktiraf tiga penyelesaian jangkalama kepada pelarian: penghantaran pulang secara sukarela, integrasi tempatan dan penempatan semula.

**Penghantaran Pulang secara Sukarela** adalah apabila pelarian secara rela dan selamat dapat pulang ke negara asalnya. I. UNHCR mungkin boleh membantu anda jika anda ingin pulang ke negara asal.

**Integrasi Tempatan** adalah apabila seorang pelarian telah dibenarkan oleh negara suaka untuk menetap secara sah di negara tersebut dan dapat menikmati sama kebanyakan hak warganegara dan adalah di bawah perlindungan negara suaka.

#### Penempatan Semula

Penempatan semula adalah apabila seorang pelarian meniggalkan negara suaka dan menempat semula di negara lain yang bersetuju bahawa mereka adalah pelarian serta memberi mereka status pemastautin tetap di negara itu secara sah. **Penempatan semula bukan hak.** UNHCR tidak ada kewajipan di sisi undang-undang untuk menghantar anda

bagi penempatan semula. Jika anda layak untuk penempatan semula, UNHCR akan menghubungi anda untuk kaunseling penempatan semula dan akan mengkaji kes anda selanjutnya. Sila ambil perhatian bahawa bukan semua pelarian layak untuk penempatan semula dan bukan semua pelarian akan dihubungi oleh UNHCR untuk penilaian selanjutnya.

Unit Penyelesaian Tahan Lama boleh dihubungi melalui [mislurst@unhcr.org](mailto:mislurst@unhcr.org)  
*Memandangkan jumlah pertanyaan yang diterima oleh pejabat setiap hari, sila bersabar, kami akan bertindak balas secepat mungkin.*

**Segala perkhidmatan UNHCR adalah percuma. Sila buat laporan jika sesiapa minta wang, pertolongan atau nikmat lain daripada anda untuk mendapatkan manfaat daripada perkhidmatan UNHCR melalui Peti Pengaduan atau e-mel ke [mislui@unhcr.org](mailto:mislui@unhcr.org)**

#### Talian UNHCR:

##### Alamat:

Wakil UNHCR di Malaysia  
570, Jalan Bukit Petaling  
P.O. Box 10185,  
50706 Kuala Lumpur

Telefon: +603 2118 4800  
Faks: +603-2141 1780  
e-mel: [mislui@unhcr.org](mailto:mislui@unhcr.org)

##### Laman web:

<http://www.unhcr.org.my>

*Sila layari laman web kami dengan kerap. Di bahagian "Information for Refugees" kami akan memaparkan maklumat yang penting yang mungkin berguna untuk anda semasa penginapan anda di Malaysia.*

**Apabila anda tulis, menelefon atau datang ke UNHCR untuk apa jua alasan berkaitan dengan kes anda, sila membuat rujukan pada nombor fail anda. Tolong jangan berkongsi nombor fail anda dengan pihak ketiga.**

#### Pengaduan:

Pengaduan mengenai penganiayaan, gangguan, penderaan atau salah laku yang lain. Sila hantarkan pengaduan bertulis anda ke dalam Peti Pengaduan di kawasan penerimaan pejabat UNHCR atau e-mel ke [mislui@unhcr.org](mailto:mislui@unhcr.org)  
**Aduan anda akan dilayan secara sensitif dan sulit.**  
*Sila ambil perhatian bahawa UNHCR tidak akan mempertimbangkan pengaduan tanpa nama.*